



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA



Balai Seni Negara
National Art Gallery

UKK/600-01/05 (79)

SIARAN MEDIA

“KRYSRAL VALLEY” – KARYA INSTALASI TOPOGRAFI IMERSIF OLEH JUN ONG DI BALAI SENI NEGARA

19 SEPTEMBER 2024 – Balai Seni Negara kini mempamerkan sebuah karya instalasi topografi, *Krystal Valley* oleh artis **Jun Ong**, bermula **13 September hingga 11 November 2024**. Karya siri ke-8 dalam Pameran Hanya Satu “*Single*” ini disokong oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Geran Sokongan Sektor Kebudayaan (GSSK) 2024. *Krystal Valley* menampilkan sebuah landskap futuristik yang menggabungkan elemen imersif dan kristal buatan berkilauan.

Krystal Valley menggunakan tema Lembah Klang sebagai inspirasi, menggambarkan lembah ini bukan sekadar tempat pembuangan, malah kawasan yang kaya dengan mineral. Dengan memanfaatkan bahan terbuang seperti besi buruk, papan elektronik dan kertas, karya ini dipamerkan sebagai sebuah monumen yang memperlihatkan kristal tiruan seperti permata berharga.

Menerusi karya ini, bahan terbuang diolah menjadi kristal tiruan yang membentuk kolaj tiga dimensi, menyatukan memori serta objek-objek lama milik artis. Proses ini memberi nafas baharu kepada objek yang biasa, selain memori silam dihidupkan semula dan mencipta hubungan mendalam antara manusia dengan sejarah dan geologi. Karya ini sekaligus menyeru orang ramai untuk menghargai sejarah dan perubahan.

Proses pembentukan kristal, yang dikenali sebagai penghaburan (*crystallization*), berlaku apabila molekul dalam cecair mula menyejuk dan mengeras, lalu menghasilkan kristal-kristal kecil yang berkembang apabila lebih banyak atom bergabung. *Krystal Valley* mempamerkan pelbagai jenis kristal seperti *Amethyst* (ungu gelap), *Fluorite* (hijau lut sinar), dan *Bismuth* (kilauan), yang mudah dikenali melalui warna dan komposisinya.

Selain itu, karya ini juga membincangkan tentang industri penyembuhan kristal yang bernilai berbilion ringgit, sama ada ia disukai kerana kecantikan kristal atau ianya benar-

benar memberi manfaat kepada kehidupan manusia. Menyingkap sejarah, amalan penyembuhan kristal bermula dari tamadun Sumeria Kuno hampir 6,000 tahun lalu, di mana kristal digunakan untuk perlindungan, kesihatan, 'kelahiran semula', dan menghalau roh jahat. Ketika era 'New Age' bermula sekitar tahun 1980-an, kristal dan permata kembali popular sebagai kaedah penyembuhan. Terapi kristal menjadi sebahagian daripada amalan seperti astrologi, yoga, meditasi, terapi bunyi, dan kad ramalan.

Pada masa kini, kristal sering digunakan untuk meningkatkan fokus, ketenangan, dan membantu mengatasi kegelisahan. Pencahayaan yang digunakan dalam karya ini menjadikannya unik dan futuristik, sementara suara halus menghubungkan elemen fizikal dan membangkitkan perasaan serta penghayatan yang mendalam terhadap karya.

Balai Seni Negara menjemput orang ramai untuk merasai pengalaman **Krystal Valley** dan meneroka instalasi topografi yang luar biasa ini. Pameran dibuka setiap hari bermula jam 9:00 pagi hingga 5:00 petang dan masuk adalah percuma. Pelbagai program sokongan turut diadakan sepanjang pameran ini berlangsung. Untuk maklumat lanjut, ikuti media sosial rasmi artis, Jun Ong (@junihaoni) atau layari laman sesawang www.junong.co dan www.artgallery.gov.my.

Dikeluarkan:

**Unit Komunikasi Korporat
BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA**

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur

Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: ukk@artgallery.gov.my W: www.artgallery.gov.my

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Balai Seni Negara:

Zuriyadi Sarpin

T: +60 11 1005 5207

E: zuriyadi@artgallery.gov.my

Team Lemon PR:

Lim May Lyn

T: +6017 294 1860

E: maylyn@teamlemonpr.com

Intan Syazwina Suhaimi

T: +60 19 998 5884

E: syazwina@artgallery.gov.my